

STPM Kertas 1 2013:

Soalan 3

(a) Perihalkan perbezaan antara liabiliti belum bayar dengan liabiliti terima dahulu, dan berikan contoh yang sesuai. (3 markah)

(b) Perniagaan Ayu Manis menjual perabot dan barang perhiasan rumah yang diperbuat daripada kayu cengal emas. Perniagaan itu menggunakan sistem inventori berterusan bagi merekodkan inventorninya.

Senarai akaun bagi Perniagaan Ayu Manis pada 31 Oktober 2011 adalah seperti yang berikut:

	RM
Ambilan	12,000
Belian	74,000
Belanja gaji	4,000
Belanja gaji belum bayar	20,000
Belanja sewa	16,000
Belanja utiliti	7,000
Belanja faedah	2,400
Belanja faedah belum bayar	400
Diskaun diberi	2,000
Jualan	360,000
Hasil terima dahulu	8,000
Inventori barang niaga	19,000
Kos barang dijual	198,000
Modal	87,000
Nota belum bayar (faedah, 12%; matang tahun 2015)	20,000
Pembiutang dagangan	37,000
Penghutang dagangan	40,000
Peralatan stor	150,000
Pulangan jualan	3,000
Belanja sewa bayar dahulu	3,000
Tunai	10,000
Peruntukan susut nilai perlalatan stor	40,000

Urus niaga yang telah berlaku sepanjang bulan November 2011 adalah seperti yang berikut:

Tarikh	Urus niaga
1 November	Membeli inventori perhiasan rumah secara kredit berjumlah RM5,000 daripada Syarikat Meranti Berhad yang diterima dengan syarat kredit ialah 2/10, n/30
4 November	Memulangkan inventori perhiasan rumah yang tidak menepati kualiti bernilai RM250 kepada Syarikat Meranti Berhad bagi belian pada 1 November
6 November	Menerbitkan nota belum bayar 8% bagi tempoh enam bulan bernilai RM9,000 sebagai penjelasan baki hutang kepada Syarikat Jati Berhad bagi pembelian inventori pada 6 Disember 2010. Syarat kredit yang diterima ialah 2/10,n/30
9 November	Menerima bayaran berjumlah RM4,000 daripada Syarikat Kayu Ara Berhad bagi tempahan yang akan disiapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh tempahan
10 November	Menjelaskan baki hutang kepada Syarikat Meranti Berhad untuk urus niaga pada 1 November
25 November	Menghantar perabot yang ditempah khas dan telah dijelaskan bayarannya berjumlah RM6,000 pada bulan September 2011 dengan penetapan untung kasar atas jualan perabot ialah 50% atas kos
30 November	Mengakru faedah atas nota belum bayar untuk bulan November 2011

Dikehendaki:

- (i) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan urus niaga di atas. (9 markah)
- (ii) Sediakan bahagian liabiliti bagi kunci kira-kira Perniagaan Ayu Manis pada 30 November 2011. (8 markah)